

**SEKOLAH MENENGAH SAINS SEREMBAN (SASER):  
PERKONGSIAN RESIPI KEJAYAAN SPM 2009**

SABUDDIN BIN HAJI SANI

Pengetua

SM Sains Seremban

Seremban, Negeri Sembilan

**ABSTRAK**

*Kepimpinan yang cemerlang dan kebijaksanaan mengatur strategi dalam pengurusan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah. Kepimpinan sekolah yang cemerlang adalah tonggak kejayaan dalam pelbagai aspek sama ada dalam bidang akademik, kurikulum dan sahsiah. Oleh yang demikian, kecemerlangan sesebuah sekolah amat memerlukan seorang pemimpin iaitu pengetua yang mempunyai karakter yang unggul dan berkarisma tinggi dalam pengurusannya. Menurut Elwood Chapman dan Sharon Lund O'neil (2000) dalam buku mereka Leadership: Essential Steps Every Manager Needs to Know, tiga sumber utama kuasa kepimpinan ialah peranan kepimpinan (kuasa yang membawa kepada kedudukan), kuasa personaliti (penghasilan kuasa dijana oleh individu tersebut) dan kuasa pengetahuan (kuasa yang berasal daripada kemahiran yang istimewa atau pengetahuan) (three basics sources of leadership power are role power (the power that goes with position), personality power (power generated by the force of the individual) and knowledge power (power that is derived from special skill or knowledge). Manakala, Andrew J. Dubrin (2004) berpendapat, karisma adalah kualiti istimewa seorang pemimpin yang mempunyai keazaman luar biasa yang membezakan mereka daripada orang lain (charisma is special quality of leaders whose purposes power, and extraordinary determination differentiate them from others). Oleh itu, kepimpinan yang berkarisma tinggi dalam sesebuah organisasi merupakan elemen yang penting untuk mencapai kejayaan. Karisma yang unggul dalam kepimpinan SASER telah membolehkan pelbagai resipi baru diterokai untuk melonjakkan kecemerlangan yang dikecapi. Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan, pelbagai idea telah dicetuskan dan pelbagai usaha telah dilaksanakan dengan jayanya oleh barisan kepimpinan bersama guru-guru SASER berlandaskan perancangan yang teliti dan sistematik. Kertas kerja ini akan membincangkan dan berkongsi*

*strategi-strategi kecemerlangan yang telah diaksanakan di SASER sepanjang tempoh penubuhan SASER pada tahun 2002 sehingga ke hari ini. Perkongsian pengalaman kecemerlangan ini amat penting sebagai satu sumbangan kecil daripada pihak SASER bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.*

## PENDAHULUAN

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2000 bertujuan untuk memperkemaskan pelaksanaan program-program pendidikan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara holistik dan berterusan supaya dapat menghasilkan warganegara yang berkualiti dan berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan 6 teras strategik yang menjadi panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh sepanjang tempoh 2006 sehingga tahun 2010. Satu daripada 6 teras strategik PIPP ialah Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

## SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SEKOLAH

Sekolah Menengah Sains Seremban mula ditubuhkan secara rasminya pada Februari 2002. Sekolah Menengah Sains Seremban iaitu SASER merupakan singkatan daripada Sains Seremban. Sekolah ini menggunakan tapak dan bangunan yang ditinggalkan oleh Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban yang mendapat premis baru yang terletak di Sg. Gadut. Kerja-kerja menaik taraf sekolah yang ditinggalkan dan tidak digunakan selama hampir 3 bulan telah dijalankan dan melibatkan kos keseluruhannya hampir RM600,000.00. Kerja-kerja ini bermula pada 28 Februari dan siap sepenuhnya pada 30 Mac 2002.

Pada tahun 2007, kerajaan telah memberi peruntukan untuk membina sebuah makmal komputer dan dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2008. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ( RMK-9 ), SASER bertuah sekali lagi kerana kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak lebih kurang RM5 juta untuk pembinaan blok tambahan iaitu pusat sumber sekolah, makmal sains, surau, kantin dan bangunan kokurikulum. Projek yang bermula pada penghujung tahun 2008 dijangka siap menjelang bulan Februari 2010.

## PENGETUA-PENGETUA SASER

Pada 1 Mac 2002, Pengetua pertama Sekolah Menengah Sains Seremban, Tuan Haji Azam Bin Haji Md Atan telah mendaftar. Tuan Haji Azam Bin Haji Md Atan telah berkhidmat di sini sehingga 16 Disember 2003 dan selepas itu telah bertukar ke Sekolah Dato' Abdul Razak menjadi Pengetua di sana.

Pada 16 Disember 2003, pengetua kedua SASER, Tuan Haji Baharudin bin Dato' Borhan pula melapor diri. Beliau bertugas sehingga 1 Januari 2005 dan kini menjadi Pengetua S.M.S. Muzaffar Shah (MOZAC) Melaka. Pengetua yang ketiga iaitu Tuan Haji Mohamad Kamaludin bin Taib bertugas di SASER pada 1 Februari 2005 sehingga 16 Februari 2008 dan kini menjadi Pengetua di Sekolah Alam Shah (SAS), Putrajaya. Pengetua SASER yang keempat, Encik Sabuddin Bin Haji Sani telah melapor diri pada 18 April 2008. Beliau telah menjadi pengetua SASER sehingga ke hari ini.

## STATISTIK PELAJAR

Kumpulan pertama pelajar yang mendaftar pada 8 April 2002 adalah seramai 97 orang daripada 178 nama yang tersenarai. Sebanyak 6 kelas telah ditubuhkan dan telah menawarkan aliran sains tulen sahaja. Jadual 1 menunjukkan data pelajar mengikut tahun.

*Jadual 1 : Peta Pelajar SASER Mengikut Tahun*

Bil	Tahun	Ting	Melayu	Cina	India	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
1	2002	4	111	3	1	115	115
		5	0	0	0	0	
2	2003	4	282	2	1	285	400
		5	111	3	1	115	
3	2004	4	225	0	0	225	510
		5	282	2	1	285	
4	2005	4	206	1	6	213	429
		5	216	0	0	216	
5	2006	4	227	1	0	228	436
		5	202	1	5	208	
6	2007	4	257	1	3	261	483
		5	221	1	0	222	
7	2008	4	212	5	4	221	479
		5	254	1	3	258	
8	2009	4	257	3	8	268	485
		5	208	5	4	217	
9	2010	4	226	-	3	229	497
		5	257	3	8	268	

## PROGRAM AKADEMIK

### Perhimpunan Pagi

Program akademik yang dijalankan di SASER sememangnya telah dirancang dengan teliti semenjak awal tahun. Perhimpunan pagi merupakan satu aspek yang sangat penting kerana pelbagai program dilaksanakan dalam tempoh masa perhimpunan yang singkat. Selain itu, bermacam-macam maklumat disampaikan ketika perhimpunan pagi dilaksanakan. Perhimpunan pagi yang dijalankan di SASER bermula seawal jam 7.15 pagi. Walau bagaimanapun, tempoh perhimpunan ini dilaksanakan berbeza – beza mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**Jadual 2 : Masa Perhimpunan Mengikut Hari**

HARI	MASA
ISNIN	7.15 – 8.10 PG
SELASA	7.15 – 7.30 PG
RABU	7.15 – 7.30 PG
KHAMIS	7.15 – 7.30 PG
JUMAAT	7.15 – 7.50 PG

Setiap hari Isnin aktiviti yang dijalankan selain ucapan guru bertugas dan ucapan pengetua ialah Program Bicara Pemimpin bagi slot Bahasa Melayu dan '*Morning Talk*' bagi slot Bahasa Inggeris. Aktiviti ini diteruskan pada hari Selasa dan dijalankan setiap minggu mengikut giliran kelas. Pelajar yang diberikan tugas dikehendaki menyediakan teks ucapan sendiri berdasarkan tema yang telah ditetapkan oleh guru. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran pelajar dalam pengucapan awam.

Setiap hari Rabu, para pelajar dikehendaki mengadakan persembahan Bahasa Inggeris secara berpasukan mengikut giliran kelas masing – masing. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti aktiviti nyanyian, sketsa, bacaan puisi dan sebagainya. Pada hari ini juga program '*Word Power*' dilaksanakan. Seorang pengawas yang ditugaskan khas untuk melaksanakan aktiviti ini akan menyampaikan perkataan, maksud dan contoh ayat. Pada minggu berikutnya, seorang pelajar akan dipilih secara rawak untuk mengulang kembali perkataan yang telah dinyatakan pada minggu sebelumnya berserta maksudnya dan membina ayat ciptaan sendiri yang gramatis. Matlamat program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di samping mengeratkan kerjasama berpasukan.

Pada hari Jumaat, penghulu segala hari, para pelajar dan guru sama-sama mengalunkan Nasyid Asmaul Husna. Pada hari ini juga, Guru Penolong Kanan akan menyampaikan ucapan dan motivasi kepada para pelajar. Ucapan semestinya berkisarkan tentang kecemerlangan pelajar-pelajar terdahulu, target SASER dalam SPM dan diselitkan dengan pelbagai cerita motivasi yang menarik. Selain itu, pada hari ini juga pihak SASER akan menjemput bekas pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian di institut pengajian tinggi dan telah berkerjaya untuk datang ke sekolah dan berkongsi pengalaman serta memberi motivasi kepada pelajar. Hal ini dilaksanakan untuk mencungkil rahsia kecemerlangan pelajar-pelajar SASER yang telah dicapai sebelum ini. Walau bagaimanapun, jemputan bekas pelajar SASER ini tidak dapat dilaksanakan setiap minggu disebabkan kekangan-kekangan tertentu.

Selain aktiviti yang telah dinyatakan, terdapat juga aktiviti membuat laporan ketika perhimpunan. Laporan tentang pertandingan dan penyertaan aktiviti yang dijalankan di sekolah dan luar sekolah dilakukan pelajar menggunakan persembahan multimedia. Laporan ini disediakan sepenuhnya oleh pelajar yang terlibat manakala guru yang membimbing pasukan tersebut akan bertindak sebagai pemantau.

Setiap bulan pada hari Jumaat, para pelajar yang terpilih akan membuat persembahan sains di tapak perhimpunan. Persembahan eksperimen sains yang dilakukan melibatkan tajuk-tajuk penting dalam sesuatu subjek sains sama ada subjek Fizik, Biologi atau Kimia. Pelajar yang terlibat dalam persembahan sains ini bebas mengendalikan persembahan mereka mengikut kreativiti masing-masing.

Selesai sahaja perhimpunan pagi bersama pelajar, para pendidik SASER terlibat dengan sesi taklimat ringkas. Pihak pentadbir khususnya pengetua, dan para guru yang lain diberi peluang dan ruang untuk menyampaikan maklumat terkini dan mengingatkan warga pendidik SASER mengenai aktiviti yang dijalankan terutamanya aktiviti yang akan dilaksanakan pada minggu tersebut.

### **Malam Mata Pelajaran**

Malam mata pelajaran diadakan pada sebelah malam mulai jam 8.30 malam hingga jam 9.30 malam. Malam mata pelajaran ini melibatkan mata pelajaran Kimia, Biologi, Fizik, Matematik dan Matematik Tambahan sahaja. Pengisian Program dirancang oleh Panitia sama ada berbentuk ulangkaji atau kelas biasa. Penglibatan pelajar dan kehadiran pelajar juga ditentukan oleh panitia sama ada melibatkan semua pelajar atau kelompok tertentu sahaja. Guru yang mengajar mata pelajaran tersebut sentiasa bekerjasama mengatur jadual sama ada mengikut giliran atau semua hadir. Jadual program ini telah disusun agar segala aktiviti yang dirancang berjalan lancar.

**Jadual 3 : Jadual Program Malam Mata Pelajaran**

HARI	MATA PELAJARAN
ISNIN	MATEMATIK TAMBAHAN
SELASA	KIMIA
RABU	BIOLOGI
KHAMIS	FIZIK
JUMAAT	MATEMATIK

**Bengkel Mata Pelajaran**

Bengkel mata pelajaran bagi setiap panitia di SASER dilaksanakan mengikut takwim sekolah. Tarikh bagi pelaksanaan bengkel ini telah dirancang pada tahun sebelumnya untuk dimuatkan dalam takwim. Bengkel mata pelajaran ini dilaksanakan mengikut tingkatan dan diadakan pada hujung minggu. Tempoh masa dan pengisian bengkel dirancang oleh panitia. Bengkel yang dilaksanakan dikendalikan oleh panitia sendiri sama ada berbentuk ulang kaji, latih tubi serta dikendalikan juga mengikut topik-topik tumpuan dalam sesuatu subjek. Bengkel mata pelajaran ini juga ada kalanya dikendalikan oleh penceramah luar mengikut keperluan panitia.

**Lonjakan Saujana**

Lonjakan Saujana merupakan program untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar tentang strategi menjawab soalan SPM. Program ini diadakan pada akhir September iaitu selepas pelajar tingkatan 5 tamat peperiksaan percubaan hingga minggu terakhir sebelum SPM. Fokus utama diberikan kepada pelajar tingkatan 5 untuk latih tubi menjawab soalan percubaan daripada negeri lain. Pelaksanaan program ini memerlukan penyusunan semula jadual waktu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) termasuk jadual waktu tingkatan 4.

**Guru Muda**

Program Guru Muda dijalankan khas untuk mata pelajaran elektif sahaja. Pelajar-pelajar cemerlang bagi sesuatu subjek dikelompokkan bersama pelajar lain untuk kumpulan belajar. Pelajar-pelajar yang terpilih ini mengajar dan mendekati rakan-rakan lain yang dikelompokkan dalam kumpulan tersebut. Program Guru Muda dilaksanakan pada waktu kelas tambahan dan Program Lonjakan Saujana.

## **PROGRAM KEROHANIAN**

### **Program Bacaan Surah Yassin**

Program bacaan Yassin dilaksanakan pada setiap hari Khamis jam 8.30 malam. Semua pelajar diwajibkan menyertai bacaan Yassin di surau sekolah. Program ini bertujuan untuk pembudayaan penghayatan Islam agar murid-murid dapat menyeimbangkan ilmu duniaawi dan ukhrawi. Bacaan Yassin ini diketuai oleh Badan Dakwah yang dilantik. Selepas bacaan Yassin disertai pula dengan bacaan doa agar dipermudahkan pembelajaran ilmu dan mendoakan kesejahteraan warga pendidik, warga sekolah, ibu bapa dan muslimin muslimat.

### **Program Qiamullail**

Qiamullail dilaksanakan secara berperingkat dan dibahagikan mengikut tingkatan. Qiamullail ini dibuat pada 4 pagi. Qiamullail ini dibuat dua kali sebulan. Tingkatan yang terlibat diwajibkan menyertai dan menjayakan majlis Qiamullail. Program ini bertujuan untuk meningkatkan rasa rendah hati dalam diri pelajar. Pelajar digalakkan mendoakan kesejahteraan keluarga, warga sekolah dan berdoa kepada Allah agar mendapat pencapaian yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

### **Lawatan Penanda Aras**

Tujuan utama lawatan penanda aras atau dikenali sebagai Program Jaulah Imamiah ke KISAS yang dilaksanakan pada 21 hingga 22 Januari 2010 adalah untuk melahirkan kepimpinan BADAR yang amanah, bekerjasama dan bersatu padu antara satu sama lain. Selain itu, ia bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai daya saing antara satu sama lain. Banyak input berguna yang telah diperolehi semasa ahli BADAR berada di KISAS. Program ini cukup bermakna dan banyak memberi manfaat terutamanya kepada BADAR SASER kerana ilmu yang diperolehi di KISAS dapat diaplikasikan di SASER dan seterusnya memberi manfaat kepada semua ahli BADAR khususnya dan warga SASER secara amnya.

### **Program Nadwah Kepimpinan**

Program ini diadakan pada 27 hingga 28 Januari 2010. Program ini memfokuskan kepada pembentukan jati diri ahli BADAR agar mampu berdikari untuk mencapai kecemerlangan tanpa bergantung kepada orang lain. Hal ini penting untuk menyemai semangat kepimpinan, kerjasama, integrasi dan permuafakatan ke dalam diri setiap ahli. Progaram ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang kebesaran dan kebergantungan pelajar kepada Allah SWT. Selain itu, program yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk memperkuatkan pelajar dari segi mental dan fizikal untuk membentuk keperibadian pemimpin yang mulia.

## **Program Naqib Usrah**

Program Naqib Usrah diadakan setiap hari Sabtu pada pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program ini dilaksanakan oleh Guru Panitia Pendidikan Islam dan jemputan luar. Program ini diadakan bertujuan untuk menjadikan amalan nasihat menasihati serta usrah dilaksanakan untuk memantapkan akidah dan ketaqwaan seseorang individu muslim itu. Hal ini demikian kerana naqib yang cemerlang serta bijak memberi ceramah penting dalam memastikan usrah yang dijalankan dapat memberikan kesan positif kepada pendengar. Mendedahkan ilmu yang perlu diketahui sebagai seorang naqib usrah dapat melahirkan seorang naqib yang berwibawa dan berwawasan serta mewujudkan sebuah usrah yang diisi dengan program yang bersesuaian dengan visi dan misi sekolah.

## **Malam Penghayatan Islam**

Malam Penghayatan Islam merupakan malam kemuncak yang paling ditunggu-tunggu oleh semua warga Sekolah Menengah Sains Seremban saban tahun. Program ini sentiasa menggunakan tema yang berbeza setiap tahun. Pada tahun ini, program ini akan dilaksanakan pada 3 Julai. Malam Penghayatan Islam pada tahun ini akan menggabungkan tenaga semua ahli BADAR yang bertemakan "AIR MATA PALESTIN, RENUNGAN BERSAMA". Ia bertujuan untuk mengingati setiap detik perjuangan umat Islam Palestin dalam mempertahankan agama, tanah air serta umat Islam daripada penindasan rejim Zionis Iaknatullah. Penghayatan ini akan diaplikasikan dalam bentuk persebahan dari kalangan ahli BADAR.

## **PROGRAM KEMASYARAKATAN**

### **Karnival Sivik**

Program kebudayaan di bawah tema Warisan Kepelbagai Budaya Bangsa ialah komponen amali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang memerlukan penglibatan murid secara kumpulan dalam aktiviti sekolah dan komuniti. Penglibatan ini ialah dalam bentuk projek atau kajian yang boleh membantu dan meningkatkan imej diri, sekolah dan komuniti. Melalui aktiviti kebudayaan ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan yang dipelajari dalam bilik darjah. Murid juga dapat merasakan dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Dengan ini murid dapat membina martabat diri yang positif dan berbangga kerana telah memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat.

Program Karnival Sivik dan Kewarganegaraan ini adalah berdasarkan tema Kepelbagai Budaya Warisan Bangsa dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Tema program ini dipilih bersesuaian dengan kandungan program ini yang dirancang untuk membolehkan para pelajar menggali dan mengenali potensi diri dan bakat masing-

masing seterusnya membawa mereka ke arah kecemerlangan diri dan seterusnya memperkasakan budaya masyarakat Malaysia. Program ini dapat memberi pengetahuan tentang kepentingan mengenali potensi diri, kemahiran, bakat untuk memanfaatkannya dan menghargai potensi diri yang dimiliki demi menuju kecemerlangan serta pengekalan warisan kebudayaan yang semakin dilupakan. Matlamat ini dijangka dapat dicapai melalui pertandingan tarian. Justeru, adalah diharapkan program ini akan mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua pihak memandangkan ia akan memberi impak positif ke dalam diri para pelajar ini.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah pertandingan reka cipta, pertandingan tarian kebudayaan pelbagai kaum, pertandingan teka silang kata, pameran agensi kerajaan dan pameran kebudayaan, pertandingan memasak menggunakan buluh dan pertandingan masak nasi manis ponggal. Aktiviti yang dijalankan telah mendapat sambutan yang baik dari murid dan secara tidak langsung telah menerapkan unsur kerjasama antara kaum. Hal ini bertepatan dengan gagasan "Satu Malaysia" yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak. Pelaksanaan aktiviti ini menggabungkan semua murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Program dilaksanakan dalam satu hari dan dirangkumkan dengan pelbagai aktiviti. Pembentukan kertas kerja dibahagikan mengikut tingkatan bagi melihat aspek kerjasama, kepimpinan dan kreativiti untuk melaksanakan program. Setiap tingkatan pula akan dipantau oleh guru pendidikan sivik dan kewarganegaraan bagi memastikan prosedur kertas kerja mengikut piawaian kertas kerja khidmat masyarakat yang telah ditetapkan oleh kementerian.

### **Program Kebajikan Bersama Anak Yatim**

Lawatan dan khidmat masyarakat yang akan dijalankan di Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan, Ampangan Seremban ini diadakan bertujuan untuk membina jati diri pelajar yang baik di samping memupuk sikap prihatin dan kerjasama dalam kalangan masyarakat. Merapatkan silaturahim dan melahirkan suasana yang harmoni dalam kalangan pelajar SASER dan anak-anak yatim.

Program dilaksanakan dengan jayanya dan murid dapat meningkatkan lagi aspek keprihatinan terhadap masalah masyarakat dan bekerjasama dengan kepimpinan setempat untuk bersama-sama dengan anak-anak yatim. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah membersihkan kediaman anak yatim, sesi beramah mesra dengan anak yatim dan sumbangan kewangan dari murid Sekolah Menengah Sains Seremban ke Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan.

### **Kembara Matematik**

Sekolah yang cemerlang mempunyai guru dan pelajar yang cemerlang. Pelajar yang cemerlang ialah pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah cemerlang dalam bidang kokurikulum, sahsiah diri dan mempunyai hubungan yang baik dengan

komuniti setempat. Berpegang kepada motto sekolah iaitu 'SASER Namamu Teratas', Panitia Matematik dan Matematik Tambahan serta Unit Bimbingan dan Kaunseling SASER telah mengilhamkan satu idea proaktif dengan melaksanakan program komuniti yang dinamakan KEMBARA MATEMATIK. Program ini bermaksud usaha proaktif warga SASER sama ada guru atau pelajar untuk menjelajah atau mengenal pasti para pelajar di luar bandar yang mempunyai potensi dan berdaya fikir yang cemerlang dalam bidang akademik. Untuk merealisasikan usaha ini, tema program Kembara Matematik telah dipilih iaitu 'Menjana Ilmu Melestari Kecemerlangan'.

Program seperti ini dapat memberikan banyak manfaat kepada pelajar bagi mewujudkan warga sekolah yang cemerlang dan penyayang. Sementerian itu, program ini juga diharapkan akan dapat memberi peluang kepada para pelajar Sekolah Menengah Sains Seremban untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang hidup bermasyarakat terutama masyarakat di luar bandar. Selain itu adalah diharapkan usaha ini akan membantu meningkatkan kecemerlangan murid-murid di SK Pantai dalam Peperiksaan UPSR pada tahun 2009. Sesungguhnya kejayaan kita untuk melestarikan kecemerlangan memerlukan banyak pengorbanan dan warga sekolah perlu sentiasa menjana usaha proaktif agar kecemerlangan anak didik dalam kurikulum, kokurikulum dan sahsiah akan terus berkekalan.

## PENCAPAIAN AKADEMIK

Sejak awal penubuhannya pada Februari 2002, SASER telah mengeluarkan seramai hampir tiga ribu lebih graduan SPM yang kini menuntut di dalam dan luar negara. SASER telah melakar sejarahnya yang tersendiri dalam bidang akademik dan kokurikulum. Walaupun masih baru, SASER telah mengukir nama sebagai sekolah terbaik dalam pencapaian SPM di Negeri Sembilan mengatasi sekolah-sekolah yang ternama yang lain. Pada SPM 2007 yang lalu, SASER yang memperolehi beberapa anugerah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu Anugerah Terbilang, Anugerah Emas, Anugerah Perdana Akademik dan Anugerah Khas untuk kategori-kategori tertentu. Pada tahun 2007 juga, SASER telah diberi penghargaan tertinggi iaitu Anugerah Sekolah Cemerlang 2007 Kategori Sekolah Berasrama Penuh oleh YB Menteri Pelajaran Malaysia.

Pada tahun 2010 SASER telah melakar sejarah sekali lagi mendapat tempat teratas dalam kalangan SBP yang lain dalam keputusan SPM 2009. Untuk kejayaan-kejayaan ini, SASER telah memperolehi beberapa anugerah daripada Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Anugerah Khas, Anugerah Terbilang, Anugerah Emas Untuk Subjek Elektif dan Anugerah Emas Untuk Subjek Teras. Seperti data yang ditunjukkan di bawah, di peringkat Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh seluruh negara, pencapaian akademik SPM juga adalah antara yang disegani dan dicemburui. Kini, SASER sudah mencipta nama dan kedudukan serta menjadi perhatian umum di dalam dan luar Negeri Sembilan.

Dari segi kedudukan pencapaian di peringkat Negeri Sembilan dan Sekolah Berasrama Penuh seluruh negara, pencapaian dan peningkatan SASER amat menyerlah. SASER menerima Anugerah Kualiti Akademik Terbilang dalam Pencapaian SPM untuk empat tahun berturut-turut. Sebagai sebuah SBP yang termuda kita telah mencapai kedudukan yang ke-13 dalam pencapaian SPM dalam kalangan SBP di seluruh negara pada tahun 2003 dan tempat ke-4 pada tahun 2004 dan ke-2 pada tahun 2005. Mulai tahun 2006, 2007 dan 2008 kita mendapat tempat yang pertama di seluruh SBP. Pada tahun 2009 sekali lagi SASER mengungguli takhta kebangsaan apabila dinobatkan sebagai sekolah terbaik dalam SPM peringkat kebangsaan 2009. SASER telah menerima Sijil Anugerah pencapaian Terbaik SPM 2010 daripada YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 19 Mac 2010.

**Jadual 4: Analisa Pencapaian Akademik (Peperiksaan SPM SASER 2003 – 2009)**

Mata Pelajaran	Gred Purata					
	2004	2005	2006	2007	2008	2009
Bahasa Melayu	1.54	1.33	1.07	1.15	1.07	0.72
Bahasa Inggeris	2.25	1.34	1.73	1.57	1.62	1.22
Pend Agama Islam	1.14	1.24	1.15	1.04	1.25	0.60
Sejarah	1.44	1.24	1.46	1.22	1.30	0.63
Matematik	1.02	1.00	1.00	1.004	1.02	0.22
Matematik Tambahan	1.68	1.48	1.48	1.52	1.92	1.06
Biologi	2.82	2.56	2.02	2.14	2.77	1.90
Fizik	2.16	2.07	1.90	1.87	1.91	1.33
Kimia	1.93	1.77	1.56	1.78	1.56	0.96
EST	3.29	3.34	2.81	2.33	2.30	1.68
PENDIDIKAN MORAL				1.00	1.25	0.44
Gred Purata Sekolah	1.93	1.74	1.62	1.56	1.61	0.97

**Jadual 5: Prestasi Pelajaran dalam SPM 2004 - 2009**

Prestasi Pelajar	Bilangan Pelajar (Peratus Pelajar)					
	2004	2005	2006	2007	2008	2009
9 1A atau 10 1A	3 (1.1%)	7 (3.2%)	15 (7.21%)	14 (6.28%)	30 (11.63%)	2 (straight A+) (0.92%)
9(1A+2A) 10(1A+2A)	34 (12.0%)	37 (16.7%)	59 (28.37%)	78 (34.98%)	30 (11.63%)	2 (straight A+) (0.92%)

## KELEBIHAN DAN KEBITARAAN SASER

### Akademik

Pencapaian akademik SASER dalam Peperiksaan SPM sangat cemerlang dalam kalangan Sekolah Berasrama Penuh.

Hasil perancangan pengurusan yang rapi dan kesungguhan dan kerja keras semua guru SASER telah berjaya mengungguli tempat teratas selama empat tahun berturut-turut pada tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009.

Tahun 2004 : tempat ke 4

Tahun 2005 : tempat ke 2

Tahun 2006 : tempat Pertama

Tahun 2007 : tempat Pertama

Tahun 2008 : tempat Pertama

Tahun 2009 : tempat Pertama ( Dalam kalangan SBP dan Kebangsaan).

Berdasarkan kecemerlangan akademik ini dua Panitia yang sentiasa konsisten mengekalkan prestasi teratas adalah Panitia Matematik Tambahan dan Kimia dalam kalangan Sekolah Berasrama Penuh

### Panitia Matematik Tambahan

Tahun 2006 : tempat Pertama

Tahun 2007 : tempat Pertama

Tahun 2008 : tempat Pertama

## **Panitia Kimia**

Tahun 2006 : tempat ke 2

Tahun 2007 : tempat Pertama

Tahun 2008 : tempat Pertama

## **Pencapaian lepas yang melibatkan Panitia Matematik Tambahan**

### **Tahun 2007**

Olimpiad Matematik Kebangsaan

1 pelajar menerima Sanjungan Kehormat

### **Tahun 2008**

Olimpiad Matematik Kebangsaan

2 orang pelajar menerima Sanjungan Kehormat

*International Competition and Assessment for School by University of New South Wales*

*3 High Distinction, 5 Distinction, 37 Credit*

*Australian Mathematics Competition*

*2 High Distinction, 21 Distinction, 74 Credit , 3 Proficiency*

## **Pencapaian lepas yang melibatkan Panitia Kimia**

### **Tahun 2006**

Kuiz Kimia Kebangsaan

5 Kepujian dan 12 Merit

### **Tahun 2007**

Kuiz Kimia Kebangsaan

6 Cemerlang, 13 Kepujian , 22 Merit

### **Tahun 2008**

Kuiz Kimia Kebangsaan

14 Cemerlang, 34 Kepujian, 57 Merit

## **Aktiviti Ko-Akademik**

### **1. Inovasi / rekacipta Sains / ICT**

Sebagai sebuah sekolah yang berteraskan sains sewajarnya SASER membudayakan aktiviti yang melibatkan semua warganya dengan Sains dan ICT. SASER bercadang memilih bidang Inovasi/ Rekacipta Sains dan ICT yang menjadi amalan dalam pengurusan, P & P,

penyebaran maklumat dan persembahan. SASER pernah menempa nama dalam bidang Inovasi/ Rekacipta apabila kami telah meraih beberapa gelaran peringkat Kebangsaan dan Negeri.

#### Tahun 2002

Pertandingan Rekacipta Peringkat Negeri  
DUVAC ( Pemadam Papan Hitam bervakum)  
Johan kategori Rekacipta

#### Tahun 2003

Pertandingan Rekacipta Negeri Sembilan  
*Bearing Made Easy*  
Johan kategori Rekacipta (Matematik)  
Pertandingan Rekacipta SBP  
Krim Cosarin  
Tempat ke 2 kategori Inovasi

#### Tahun 2003

Pertandingan Rekacipta Kebangsaan (INTEL)  
Krim Cosarin  
Tempat ke 3 kategori Inovasi

#### Tahun 2004

Pertandingan Rekacipta Negeri Sembilan  
*Auto Fish Feeder*  
Johan kategori Rekacipta

#### Tahun 2008

Rekacipta Hari Intelek di Kuala Lumpur  
*Microphone Stand*  
Johan  
Pertandingan Pereka Muda di Kuala Lumpur  
*Wiper Saver*  
Johan  
*Asian Young Inventor Academy in Kuala Lumpur*  
*Wiper Saver*  
Johan

*International Technology Expo in Naratchunan, Thailand*

*Gill Scrapper*

*Gold Medal*

*Singapore Inventor Association Expo in Singapore*

*Motorized Drain Cleaner*

Tempat ke 3

#### **Tahun 2009**

Pertandingan Rekacipta / Inovasi SBP

Tempat ke 3

#### **PENUTUP**

Berdasarkan resipi-resipi dan bukti-bukti yang telah dikemukakan, jelaslah bahawa kepimpinan yang cemerlang dan kebijaksanaan mengatur strategi dalam pengurusan memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah. Kepimpinan sekolah yang cemerlang yang mengutamakan keseimbangan akademik, kurikulum dan sahsiah adalah tonggak kejayaan dalam pelbagai aspek kecemerlangan. Karisma yang unggul dalam kepimpinan SASER telah membolehkan pelbagai resipi baru diterokai untuk melonjakkan lagi kecemerlangan yang dikehendaki di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan, pelbagai idea telah dicetuskan dan pelbagai usaha telah dilaksanakan dengan jayanya oleh barisan kepimpinan bersama guru-guru SASER berlandaskan perancangan yang teliti dan sistematis.

Pemimpin sekolah yang unggul dalam kepimpinan SASER telah membolehkan resipi-resipi baru dilaksanakan untuk menyemarakkan kecemerlangan yang dikehendaki selaras dengan misi SASER iaitu membangunkan potensi individu yang seimbang dalam pelbagai bidang ilmu dan kemahiran melalui pendidikan berkualiti. Hal ini demikian kerana, pemimpin sekolah iaitu pengetua merupakan indikator utama dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi sekolah. Justeru, melalui pelbagai usaha daripada pelbagai pihak, diharapkan agar SASER terus memacu kecemerlangan di masa hadapan kerana SASER namamu teratas. Takkan SASER hilang takhtanya.

## BIBLIOGRAFI

- Ali Mohd Jubran Saleh. (2004). *Principal leadership and creativity: A study of Islamic schools principals in Jordan*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Andrew J. D. (2004). *Leadership: research findings, practice and skills*, United States of America: Houghton Mifflin Company.
- Atan Long, Ishak Rejab, Abdul Aziz Sultan, Mohd Nor Long, Mohd Sahari Nordin, Nik Ahnad Hisham Ismail, Ratnasari Ashraf & Rosnani Hashim. 1991. *Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemajuan sekolah-sekolah: kajian kes*. Kertas kerja seminar latihan mengajar antara universiti kali ke-7. Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Dunford, J., Fawcett, R. & Bennett, D. (2000). *School leadership*. London: Kogan Page.
- Elwood C. & Sharon, L.O. (2000). *Leadership: essential steps every manager needs to know*, United States of America: Prentice-Hall, Inc.
- Leithwood, K., Bealey P.T & Cousin, J.B. (1992). *Development expert leadership for future school*. Great Britain : The Falmer Press.
- Razali Mat Zin. (1996). *Kepimpinan dalam pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Ryan, K. & Bohlin, K. E. (1999). *Building character in schools*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Sharil @ Charil Marzuki. (2000). *Ciri-ciri kepimpinan pengetua dan guru besar berkesan yang dapat menghadapi cabaran dan harapan pada abad ke-21*. Kertas kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-9. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1-3 Ogos.
- Zulkiple Abd. Ghani, & Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus. (1999). *Kepimpinan dakwah dan politik Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam.